

25 JAN 2003

S'pura-Kewangan/I

S'PURA KATA IA TAWAR DIRI UNTUK BANTU M'SIA SEMASA KRISIS 1998

SINGAPURA, 25 Jan (Bernama) -- Singapura berkata ia ada menawarkan bantuan kewangan kepada Malaysia semasa krisis ekonomi 1998, dengan turut memasukkan Perjanjian Air 1962 dalam pakej bantuannya.

Menteri Luar S.Jayakumar berkata Malaysia telah memohon satu pakej bantuan daripada Singapura berjumlah RM15 bilion terdiri daripada tambahan simpanan ringgit di bank-bank Malaysia di Kuala Lumpur, pembelian ringgit dan pembelian saham-saham Malaysia.

"Memandangkan semua ini membabitkan risiko kewangan bagi Singapura, kami mencadangkan bantuan kewangan dalam dalam rangka kerja yang lebih luas antara kedua-dua negara yang termasuk bekalan air ke Singapura selepas tamatnya perjanjian Air 1962," kata beliau kepada Parlimen.

Jayakumar ditanya oleh seorang anggota Parliamen untuk mengulas kenyataan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang semasa krisis ekonomi itu apabila Malaysia mencari pinjaman daripada Singapura, negara pulau itu telah bersetuju tetapi syarat-syarat yang dikenakannya "sangat membebankan"

Jayakumar berkata, di kemuncak krisis kewangan Asia pada awal 1998, ringgit berada di bawah serangan spekulatif dan keyakinan terhadap pasaran saham Malaysia terjejas teruk.

Pada masa yang sama, kerajaan Singapura menyimpan jumlah besar ringgit sebagai sebahagian daripada rizabnya dan ia juga melabur dalam saham-saham Malaysia, kata Jayakumar.

"Pelabur-pelabur lain menjual ringgit dan saham-saham Malaysia, tetapi kami tetap berpegang kepadanya walaupun risiko kerugian matawang dan modal. Kita tidak mahu ringgit dan pasaran saham Malaysia terus bertambah lemah," kata beliau.

Malaysia, katanya, juga telah memohon pakej RM15 bilion diubah kepada pinjaman dolar Amerika, tetapi Singapura menawarkan pinjaman US\$4 bilion jangka sederhana dengan kadar faedah yang jelas lebih rendah (lebih kurang 4 peratus lebih rendah) berbanding apa yang Malaysia perlu bayar di pasaran.

Bagaimanapun, Singapura tidak meneruskan pakej bantuan kewangan itu ekoran mesyuarat dua hala di Hanoi semasa sidang Kemuncak Asean pada Disember 1998 selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaklumkan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong bahawa Malaysia tidak lagi memerlukannya.

"Seperti yang ada boleh lihat, Singapura cuba membantu Malaysia semasa krisis kewangan. Syarat-syarat bantuan yang kami cadangkan sudah pasti tidak 'sangat membebankan' ", kata Menteri itu.

-- BERNAMA

SS PR